

19 DEC 1999

Mahathir-Calon

MT UMNO KAJI AMBIL PROFESIONAL SEBAGAI CALON PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno akan mengkaji kemungkinan mengambil golongan profesional sebagai calon dalam pilihan raya walaupun mereka tidak memegang sebarang jawatan dalam parti.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, Majlis Tertinggi Umno perlu membuat kajian mengenai cadangan itu untuk menentukan kriteria yang akan digunakan untuk pemilihan calon pilihan raya.

"Sementara kita ingin memberi peluang kepada orang luar menjadi calon, kita juga perlu mengambil kira tentang jentera parti yang dikuasai oleh ketua-ketua bahagian," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dalam mesyuarat lebih tiga jam itu, Dr Mahathir telah memberi penerangan kepada anggota MT mengenai kriteria yang digunakan untuk memilih calon dalam pilihan raya.

Secara tradisinya, calon daripada Umno untuk kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dipilih daripada kalangan ketua bahagian dan ketua Pemuda dan Wanita di peringkat negeri dan kebangsaan.

Dr Mahathir berkata, kajian untuk menentukan kriteria pemilihan itu penting kerana pemilihan calon yang didasarkan kepada jawatan dalam parti dan profesionalisme mempunyai kebaikan dan keburukannya masing-masing.

"Ini kerana jentera parti dikuasai oleh ketua bahagian," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang juga anggota MT Umno dalam satu kenyataan di Singapura dua hari lepas telah mencadangkan supaya Umno membenarkan golongan profesional dan akademik bertanding dalam pilihan raya dan tidak terlalu mementingkan kedudukan calon dalam hirarki parti.

Beliau dilaporkan dalam "The Straits Times" Singapura sebagai berkata bahawa dasar itu, seperti yang diamalkan oleh PAS, penting untuk menarik orang Melayu daripada generasi muda menyertai Umno.

Tradisi pemilihan calon pilihan raya berdasarkan jawatan dalam parti dikatakan telah menyekat golongan profesional seperti peguam, doktor dan jurutera daripada dipilih sebagai calon.

PAS sebaliknya mengamalkan dasar mengemukakan profesional muda Melayu sebagai calon dengan syarat mereka adalah anggota parti.

-- BERNAMA

TM MAI